**SOALAN NO. 420**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Badan Peguam Malaysia untuk menggantikan Sijil Amalan Guaman (Certificate of Legal Practice) dengan Unified Common Bar System:-

(a) bagaimana proses untuk menggantikan CLP sedang dilakukan; dan
(b) bilakah tarikh terakhir Common Bar System akan diaplikasikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan berkaitan *"Common Bar Course/ Common Bar Examination (CBC/ CBE)"* adalah salah satu daripada perkara yang sedang diteliti oleh Jawatankuasa Perundingan Khas bagi Menyediakan Rangka Tindakan (Blueprint) yang Holistik bagi Profesion Undang-Undang di Malaysia dan Menyediakan Cadangan Pindaan Yang Komprehensif kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 (Akta 166). Jawatankuasa Perundingan Khas ini diwakili oleh wakil-wakil dari:

i. Jabatan Peguam Negara;
ii. Penasihat Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri;
iii. Majlis Peguam;
iv. Mahkamah;
v. Persatuan Undang-Undang Sabah;
vi. Persatuan Peguambela Sarawak;
vii. Persatuan Peguam Syarie;
viii. Pengamal undang-undang; dan
ix. Dekan-dekan fakulti undang-undang daripada Institusi Pendidikan Tinggi Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia ('Lembaga Kelayakan') telah menubuhkan satu Jawatankuasa bagi mengkaji pelaksanaan CBC/CBE. Antara aspek yang

sedang dikaji termasuklah modul, kurikulum dan manual kursus, pengurusan dan juga dokumentasi yang diperlukan untuk melaksanakan CBC/ CBE.

Selain itu, perjumpaan bersama pihak-pihak yang berkepentingan juga telah diadakan dan pandangan yang diterima daripada pihak-pihak yang berkepentingan tersebut sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan.

Sekian, terima kasih.

52

**Soalan ( 421 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN
[ BUKIT KATIL ]

**SOALAN :-**

**YB Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah segera yang dijalankan mengatasi masalah lif terutamanya membabitkan perumahan rakyat di seluruh negara.

**JAWAPAN** :-

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan 2 program utama penyelenggaraan dalam mengatasi masalah lif bagi perumahan kos rendah dan sederhana rendah dalam usaha Kerajaan untuk menyediakan persekitaran yang berkualiti, kondusif, selesa dan selamat kepada penghuni-penghuni. 2 program tersebut adalah:

a) Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) bagi **perumahan awam** berstrata kos rendah; dan

b) Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi **perumahan swasta** berstrata kos rendah dan sederhana rendah.

Sejak program PPP dan TP1M diperkenalkan pada tahun 2011, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM41.7juta bagi membaiki dan mengganti lif yang rosak di seluruh negara. Dalam menangani

masalah lif rosak yang kerap dihadapi oleh penduduk perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah, Kerajaan berharap penduduk dapat sama-sama mengambil tanggugjawab bagi memastikan lif-lif di kawasan kediaman masing-masing tidak disalahguna dan tidak berlaku vandalisme oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

RT28/422

# JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA** : **TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

## PERTANYAAN BERTULIS

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengekang gejala buli yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah memandang ringan kes gejala buli di sekolah. Setiap kes yang berlaku telah diambil tindakan sewajarnya, sama ada peringkat sekolah mahu pun pihak mahkamah melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM). KPM berusaha menangani buli termasuk buli siber melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan kerjasama padu dengan semua pihak yang berkepentingan serta bersedia membantu agensi berkaitan memantapkan perundangan berkaitan kes juvenil di luar sekolah.

Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman atau langkah intervesi kepada pentadbir sekolah. Semua guru merupakan guru disiplin dan bertanggungjawab membentuk sahsiah murid di samping membudayakan konsep sekolah penyayang. Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan PPD, PIBG, Polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

KPM telah menjalinkan kerjasama padu dengan pihak luar bagi mengatasi isu disiplin murid termasuk buli. Melalui Strategi Lautan Biru (NBOS), Progam Remaja Berwawasan dilaksanakan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM. Melalui program ini, murid berisiko tinggi akan diberikan latihan menggunakan khidmat kepakaran pegawai tentera dan polis.

RT28/422